

18 JUN 2003

WHO-Mahathir/I

KETUA PENGARAH WHO KUNJUNGI DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 18 Jun (Bernama) -- Ketua Pengarah Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) Dr Gro Harlem Bruntland hari ini mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Jabatan Perdana Menteri di sini.

Beliau diiringi Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng dan Pengarah Serantau WHO bagi Pasifik Barat Dr Shigeru Omi dalam pertemuan itu.

Dr Bruntland berada di negara ini sempena persidangan dua hari Mengenai Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS) anjuran WHO, yang berakhir di Petaling Jaya hari ini.

Semasa ditemui pemberita selepas perjumpaan dengan Dr Mahathir, Dr Bruntland berkata mereka, antara lain, membincangkan tentang perlunya kerjasama yang lebih erat di kalangan negara-negara bagi menangani SARS.

Sambil menganggap persidangan SARS itu sebagai berjaya, beliau berterima kasih kepada kerajaan Malaysia kerana menjadi tuan rumah acara itu.

"Selepas 100 hari sejak amaran global dikeluarkan, kami kini lebih optimistik kerana wabak itu sudah tiada lagi di kebanyakan negara dan kesnya menurun di beberapa negara lain," katanya.

Menurutnya penurunan jumlah kes menyebabkan WHO berasa "yakin bahawa kita boleh melihat berakhirnya wabak baru pertama di abad ini."

Dr Bruntland juga menyifatkan bahawa persidangan itu adalah amat penting dalam sejarah kesihatan awam.

Beliau berkata semua dokumen persidangan akan dipaparkan di laman web bagi membolehkan mereka yang terlibat dalam memerangi SARS mendapatkan maklumat.

Wabak SARS telah mengorbankan hampir 800 orang dan 9,000 lagi dijangkiti di seluruh dunia.

Sementara itu, Chua berkata Kementerian Kesihatan sedang menyediakan modul senarai semak sebagai persediaan menghadapi wabak baru.

"Saya memberi jaminan kepada Dr Mahathir bahawa kementerian sedang menggubal modul senarai semak sebagai persediaan menghadapi wabak pada masa depan. Perdana Menteri yakin bahawa akan ada wabak baru yang muncul selepas ini.

"Ia mungkin dari bio-keganasan atau virus bahaya yang terlepas berikutan pengendalian kurang sempurna di makmal yang boleh menyebabkan kemusnahan dan membahayakan masyarakat.

"Oleh itu, adalah penting bagi kita untuk mempunyai jalinan kerjasama antarabangsa dan bekerjasama dengan WHO, dan adalah penting bagi Malaysia untuk mempunyai kelengkapan sempurna," katanya.

-- BERNAMA

SHI MAM DC NAK